PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2014

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global berkembang dengan sederhana

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2014. Walau bagaimanapun, pertumbuhan masih tidak sekata di seluruh ekonomi. Meskipun terdapat tanda-tanda yang lebih meluas bahawa ekonomi Amerika Syarikat (AS) terus bertambah baik, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun terus lembap. Di Asia, pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri dan eksport. Inflasi yang lebih rendah dicatat oleh kebanyakan ekonomi dengan penurunan harga tenaga memperkukuh trend ini.

Pasaran kewangan terus mengalami ketidaktentuan yang ketara pada suku keempat, berikutan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan di kawasan euro dan Jepun, ketidakpastian mengenai magnitud dan tahap harga tenaga yang lebih rendah, dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun ekoran harga tenaga yang menurun. Walau bagaimanapun, kebanyakan pasaran ekuiti utama dan serantau mengakhiri suku keempat pada paras yang lebih tinggi. Ini berikutan keyakinan pelabur yang meningkat disebabkan data ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan di AS, serta rangsangan monetari tambahan yang dilaksanakan oleh Bank of Japan (BoJ). Di Asia, langkah-langkah dasar bersasaran selanjutnya oleh Kerajaan China dan penurunan kadar dasar yang tidak dijangka oleh People's Bank of China (PBoC) turut menaikkan sentimen pasaran.

Di AS, aktiviti ekonomi terus berkembang meskipun pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat (2.5%; S3 2014: 2.7%). Berdasarkan asas terlaras secara bermusim, ekonomi AS meningkat 2.6% (S3 2014: 5.0%). Pengembangan aktiviti ekonomi didorong terutamanya oleh penggunaan swasta, di tengah-tengah keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik dan disokong oleh harga bahan api yang lebih rendah. Pertumbuhan pelaburan tetap disokong oleh perbelanjaan modal bukan kediaman yang terus berkembang dan pelaburan kediaman yang meningkat semula. Inflasi menjadi sederhana kepada 1.3% (S3 2014: 1.8%), berikutan harga tenaga yang lebih rendah.

Aktiviti ekonomi di kawasan euro kekal lembap pada suku keempat. Sentimen perniagaan terus lemah dalam keadaan perkembangan geopolitik yang berterusan di Eropah Timur dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap risiko deflasi ekoran harga tenaga yang menurun. Keadaan permintaan keseluruhan juga terus terjejas oleh keadaan pengangguran yang tinggi, pelarasan lembaran imbangan yang berterusan oleh sektor swasta dan awam serta penggunaan kapasiti yang rendah. Inflasi terus menjadi sederhana kepada 0.2% pada suku itu (S3 2014: 0.3%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang lebih rendah.

Ekonomi United Kingdom (UK) berkembang pada kadar yang lebih cepat sedikit, iaitu 2.7% pada suku keempat (S3 2014: 2.6%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pengedaran, hotel dan katering. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 0.9% pada suku itu (S3 2014: 1.5%), berikutan penurunan harga bahan api motor.

Di Jepun, walaupun terdapat beberapa tanda bahawa keadaan bertambah baik pada suku itu, aktiviti ekonomi keseluruhan kekal lemah berikutan penguncupan pada dua suku sebelumnya. Penggunaan swasta terus terjejas berikutan kenaikan cukai penggunaan pada bulan April 2014 dan pertumbuhan upah yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, eksport berkembang pada kadar yang lebih cepat (9.2%; S3 2014: 3.2%), disokong oleh penghantaran yang lebih tinggi ke Asia dan

AS. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) terus menjadi sederhana (2.7%; S3 2014: 3.1%), disebabkan terutamanya oleh kos utiliti, pengangkutan dan rekreasi yang lebih rendah. Inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) juga menjadi sederhana (2.1%; S3 2014: 2.3%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
AS	3.1	2.2	2.7	2.5[a]	2.4[a]
UK	2.4	1.7	2.6	2.7[p]	2.6[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju kekal sangat akomodatif pada suku keempat, meskipun hala tuju dasar monetari terus berbeza merentas ekonomi. Di AS, Federal Reserve (Fed) menamatkan program pembelian asetnya pada bulan Oktober 2014 dalam keadaan penggunaan pasaran pekerja yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, berikutan harga tenaga yang menurun, Fed menurunkan unjuran inflasi median bagi tahun 2015 kepada 1.1%-1.2% pada bulan Disember 2014 (unjuran bulan September 2014: 1.7-1.8%), dan menyatakan bahawa mereka "masih boleh menunggu untuk mengembalikan pendirian dasar monetari kepada kedudukan yang lebih wajar". Sebaliknya, European Central Bank (ECB) melaksanakan program pembelian baharu untuk sekuriti bersandarkan aset dan bon terlindung pada bulan Oktober 2014 bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko deflasi di kawasan euro. Pada bulan Januari 2015, program pembelian aset telah ditambah kepada EUR60 bilion (kira-kira USD70.9 bilion) setiap bulan antara bulan Mac 2015 sehingga sekurang-kurangnya bulan September 2016, merangkumi pembelian bon yang diterbitkan oleh kerajaan pusat dan agensi di kawasan euro serta institusi Eropah. Di Jepun, BoJ meningkatkan pembelian aset tahunannya kepada JPY80 trilion (kira-kira USD669.8 bilion) [julat sasaran sebelumnya: JPY60-70 trilion (kira-kira USD502.3-586.1 bilion)], dalam keadaan kebimbangan yang berterusan terhadap disinflasi (disinflation).

Di RR China, pertumbuhan ekonomi kekal pada 7.3% pada suku keempat. Pertumbuhan disokong oleh industri peringkat ketiga (tertiary) (antara lain, termasuk hotel dan katering, perdagangan borong dan runcit, dan perkhidmatan kewangan) yang bertambah baik, yang mengimbangi pertumbuhan sederhana industri utama (pertanian) dan industri sekunder (perindustrian dan pembinaan). Pelaburan infrastruktur yang dipercepat oleh kerajaan China dan penurunan kadar dasar oleh PBoC juga memberikan sedikit sokongan kepada aktiviti ekonomi, terutamanya menjelang separuh terakhir suku keempat. Inflasi menjadi sederhana kepada 1.5% (S3 2014: 2.0%), dalam keadaan harga pengangkutan dan perumahan yang lebih rendah.

Di Asia, pertumbuhan terus berkembang, walaupun pada kadar lebih sederhana dalam beberapa ekonomi. Di Filipina, aktiviti ekonomi berkembang pada kadar lebih cepat sebanyak 6.9% (S3 2014: 5.3%), disokong terutamanya oleh penggunaan swasta dan awam, serta eksport yang lebih tinggi. Pertumbuhan di Indonesia secara amnya mampan (5.0%; S3 2014: 4.9%), disokong oleh peningkatan berterusan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ekonomi di China Taipei dan Korea lebih sederhana (masing-masing 3.2%

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
RR China	7.8	7.7	7.3	7.3	7.4
Filipina	6.3	7.2	5.3	6.9	6.1
Indonesia	5.6[d]	5.6[d]	4.9[d]	5.0	5.0
Singapura	4.9	3.9	2.8	1.5[a]	2.8[a]
Korea	3.7	3.0	3.2	2.7[a]	3.3[a]
China Taipei	3.4	2.2	3.6	3.2[a]	3.5[a]

[d] Disemak
[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

dan 2.7%; S3 2014: masing-masing 3.6% dan 3.2%), disebabkan terutamanya pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih rendah. China Taipei turut terjejas oleh pertumbuhan eksport yang lebih perlahan. Di Singapura, pertumbuhan juga menjadi sederhana (1.5%; S3 2014: 2.8%), dalam keadaan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan dan pembinaan.

Inflasi menjadi sederhana dalam kebanyakan ekonomi Asia, mencerminkan terutamanya harga bahan api yang lebih rendah dan kesan pindahan kepada kos makanan dan pengangkutan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat di Indonesia berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api pada bulan November 2014.

Kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan pendirian dasar monetari akomodatif pada suku keempat. Yang ketara, PBoC mengurangkan kadar faedahnya pada bulan November 2014, kali pertama sejak bulan Julai 2012 bagi menyokong aktiviti ekonomi. Ini berikutan terdapatnya kebimbangan terhadap momentum pertumbuhan yang semakin lemah dan tekanan inflasi yang lebih rendah. Khususnya, kadar pinjaman untuk tempoh satu tahun telah diturunkan sebanyak 40 mata asas kepada 5.6% dan kadar deposit untuk tempoh satu tahun diturunkan sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Pada bulan Januari 2015, Reserve Bank of India (RBI) menurunkan kadar repo dan kadar repo berbalik sebanyak 25 mata asas masing-masing kepada 7.75% dan 6.75%, berikutan tekanan inflasi semakin reda. Sebaliknya, Bank Indonesia (BI) menaikkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 7.75% pada bulan November 2014, untuk menegarkan jangkaan inflasi berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api.

Harga minyak mentah Brent menurun kira-kira 25% kepada purata USD77 setong pada suku keempat (S3 2014: USD103 setong), berikutan bekalan global yang lebih tinggi dan aktiviti ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan dalam beberapa ekonomi utama. Yang ketara, harga minyak mentah jatuh mendadak apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organisation of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) mengumumkan keputusannya untuk mengekalkan tahap pengeluaran, meskipun terdapat lebihan bekalan pada 27 November 2014. Sentimen pasaran terus menurun berikutan jangkaan bahawa pengeluaran minyak shale AS akan berterusan pada separuh pertama 2015. Ini menyebabkan harga minyak mentah mencecah USD56 setong pada akhir suku itu, dan USD45 setong pada 26 Januari 2015, paras terendah sejak bulan April 2009.

Kebanyakan mata wang utama dan serantau mengakhiri suku keempat lebih rendah berbanding dengan dolar AS. Penyusutan nilai yang menyeluruh berbanding dengan dolar AS disebabkan terutamanya data ekonomi AS yang lebih kukuh daripada jangkaan, yang menyokong jangkaan pasaran bahawa penjajaran kadar faedah akan bermula pada tahun 2015. Dalam ekonomi maju, penyusutan nilai euro dan yen Jepun berbanding dengan dolar AS juga disokong oleh pengumuman rangsangan monetari tambahan oleh ECB dan BoJ. Walau bagaimanapun, di Asia, peso Filipina mengatasi nilai mata wang serantau lain disebabkan terutamanya oleh peningkatan bermusim pengiriman wang.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang sederhana dengan momentum pertumbuhan semakin berbeza dalam kalangan ekonomi utama. Harga tenaga yang menurun dijangka memberikan sedikit sokongan tambahan kepada pertumbuhan global secara keseluruhan kerana pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kadar inflasi yang lebih rendah akan menyokong perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko aktiviti ekonomi global menjadi lebih perlahan yang nyata. Ini termasuk kelemahan permintaan yang berpanjangan dan inflasi yang rendah atau kemungkinan berlakunya deflasi dalam beberapa ekonomi utama, ketidakpastian mengenai pelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju utama, serta meningkatnya kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang merupakan pengeksport komoditi bersih, dalam keadaan harga tenaga yang menurun.